

BULETIN

UNITI



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIRI 1 JANUARI - APRIL 2024



AMANAT 2024 KPN

IMBAS DI SINI



"Perpaduan Dalam Kepelbagaian"



Assalamualaikum W.B.T dan Salam Perpaduan

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan salam perpaduan kepada warga Kementerian Perpaduan Negara. Sepanjang tahun 2024, kita telah memperoleh beberapa kejayaan dalam mewujudkan beberapa Dasar baharu berkenaan Perpaduan dalam kalangan Rakyat Malaysia MADANI. Perkara penting yang kita perlu lakukan adalah muhasabah diri dan mengambil langkah-langkah kolektif untuk menyempurnakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita selaras dengan Visi, Misi dan Piagam Pelanggan yang telah kita tetapkan.

Matlamat kita adalah untuk melahirkan negara bangsa Malaysia yang Bersatu padu dan aman damai selaras dengan Dasar perpaduan Negara. Peranan kita sebagai agen perpaduan yang paling hadapan perlu dipertingkatkan agar rakyat dan Kerajaan sentiasa bekerjasama untuk memastikan agenda perpaduan terus kukuh dalam memastikan keharmonian dikalangan pelbagai bangsa di Malaysia.

Buletin ini merupakan satu gambaran terhadap usaha dan pencapaian yang telah dilaksanakan oleh KPN dan Jabatan/Agensi dibawahnya dalam menyatukan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang berimpak tinggi dan berinovatif, KPN sentiasa memastikan penghayatan prinsip "Faham, Hormat dan Terima" dalam memupuk keharmonian dan kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia.

Harapan saya agar Buletin Uniti KPN ini dapat memberikan maklumat-maklumat berkenaan pelan dan program yang telah dilaksanakan oleh KPN. Saya juga berdoa agar segala usaha kita dalam menjayakan perancangan kementerian dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancang. Penetapan dan hala tuju serta strategi yang jelas akan memacu Kementerian Perpaduan Negara ke arah yang lebih gemilang.

Tanpa kerjasama kukuh, segala yang program dan aktiviti yang telah dirancang sudah tentu tidak akan menjadi kenyataan. Pemuaafakatan adalah asas dalam menterjemah aspirasi Kementerian Perpaduan Negara. Saya amat menghargai segala usaha dan kerja keras seluruh warga kementerian.

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT:

Mutia Azura binti Mohamed

KETUA PENGARANG:

Nor Suzaman bin Abdul Rahman

KETUA PENYELARAS:

Nur Emieliana binti Ishak

PENYELARAS:

Azram Feerdaus bin Zainal Abidin

JURUFOTO:

Mohd Zuhairi bin Mohamad Khir

Mohammad Nur Ikmal bin Usman

Sidang redaksi Buletin Uniti Siri 1 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi KPN dan semua bahagian di KPN yang menjayakan penerbitan Buletin Uniti Siri 1.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan sila hubungi:
Sidang Redaksi Buletin Uniti KPN 2024.
Unit Komunikasi Korporat,
Aras 5-10, Blok F9, Parcel F,
Lebuhraya Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA.
Tel: 03-8091 8000



02

Program/Aktiviti Jabatan

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional	36
Arkib Negara Malaysia	39
Jabatan Muzium Malaysia	41
Perpustakaan Negara Malaysia	44
Yayasan Sukarelawan Siswa	46
Yayasan Tunku Abdul Rahman	50



06

33

Prakata KSU	i
Isi Kandungan	01
Program/Aktiviti	
Bulan Januari 16 Januari 2024 - Majlis Amanat Menteri Perpaduan Negara Tahun 2024	02
Bulan Februari 23 Februari 2024 - Majlis Apresiasi Kementerian Perpaduan Negara 2023	13
Bulan Mac 7 Mac 2024 - Sambutan Hari Wanita Tahun 2024 Peringkat Kementerian Perpaduan Negara	21
Bulan April 20 April 2024 - Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI Peringkat Kebangsaan	33



13

21

Isi Kandungan



MAJLIS AMANAT MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024



16 Januari 2024, Putrajaya – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyampaikan amanat kepada seluruh pegawai dan kakitangan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) serta jentera perpaduan dengan memberi penekanan terhadap transformasi KPN dalam meningkatkan semangat perpaduan, kesukarelawan, dan pertumbuhan keseimbangan pembangunan sosial dan ekonomi bagi tahun 2024.

Dalam ucapan, beliau berkongsi kata-kata semangat *“where there is unity there is always victory,”* dan meyakinkan bahawa semangat kebersamaan, perpaduan, dan kesukarelawan

adalah kunci untuk meningkatkan prestasi Malaysia di arena antarabangsa.

YB Menteri Perpaduan Negara menegaskan komitmennya dalam memajukan agenda keamanan dan perpaduan di Malaysia, dengan menggariskan strategi dan inisiatif strategik bagi menghadapi isu dan cabaran semasa. Penekanan diberikan kepada pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga, penghayatan Rukun Negara, penyuburan minat terhadap warisan dan budaya, serta pemacuan agenda digital dan kesukarelawan.

PROGRAM EKSPLO AQUAGRO RUKUN TETANGGA DAN SIMPOSIUM DUTA PERPADUAN JOHOR 2024

13 Januari 2024, Johor - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini telah hadir ke Program Ekspo Aquagro Rukun Tetangga dan Simposium Duta Perpaduan Johor 2024 di Dewan PPR Sri Stulang. Program ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor.

Pelantikan Duta Perpaduan Johor 2024 dipilih dalam kalangan mahasiswa bertujuan untuk menjadikan mahasiswa sebagai contoh dan teladan yang membawa elemen perpaduan dimana-mana sahaja mereka berada.

Turut hadir YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah JPNIN, Pegawai-Pegawai Kementerian Perpaduan Negara, wakil-wakil Kerajaan Negeri Johor, wakil Rukun Tetangga setiap Daerah dan barisan Duta Perpaduan Johor 2024.



MAJLIS PERJUMPAAN DAN AMANAT KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 2024

18 Januari 2024, Melaka: Majlis Perjumpaan dan Amanat Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Peringkat Negeri Melaka Tahun 2024 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara bertempat di Dewan Muzium Rakyat, Jalan Kota, Melaka (PERZIM) hari ini.

Majlis ini melibatkan seramai 100 warga Kementerian Perpaduan Negara di Negeri Melaka iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Melaka selaku penganjur, Arkib Negara Malaysia

Negeri Melaka, Muzium Senibina Malaysia dan wakil Perpustakaan Desa Negeri Melaka.

YBhg. Datuk KSU juga telah melawat tapak Pavilion Tahun Melawat Melaka (TMM 2024) di Dataran Pahlawan, Bandar Hilir Melaka iaitu lokasi Program Bulan Patriotik Negara Malaysia Madani. Program yang bakal dilaksanakan pada Ogos ini akan diterajui oleh JPNIN Melaka selaku Agensi Pelaksana yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Turut hadir, YBrs. Encik Sobri bin Mat Daud Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.



KONVENSYEN KALIGRAFI HUICHUN NASIONAL KALI PERTAMA 2024

20 Januari 2024, Selangor – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Konvensyen Kaligrafi Huichun Nasional Kali Pertama 2024.

Penganjuran Konvensyen ini bukan sekadar menyaksikan pencapaian luar biasa dalam seni tulis, tetapi juga mencerminkan komitmen Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam mempromosikan warisan budaya negara melalui inisiatif yang diperkenalkan iaitu 'Ini Warisan Kita'.

"Seni Kaligrafi Huichun memegang peranan penting sebagai medium yang mencerminkan kepelbagaian budaya unik di Malaysia. Ia bukan sekadar seni tulisan visual, tetapi ekspresi seni yang menggambarkan sejarah, kepelbagaian, dan keindahan Malaysia," jelas YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.



Seni Kaligrafi Huichun berasal daripada perkataan Mandarin "Hui Chun," menjadi warisan budaya yang berharga dengan nilai-nilai estetika dan kebudayaan yang mendalam di Malaysia.

Transformasinya yang diwarnai oleh pelbagai elemen budaya Malaysia menjadikan Kaligrafi Huichun sebagai simbol kepelbagaian budaya negara. Dengan memahami dan mengapresiasi seni ini, ia dapat memupuk kebanggaan terhadap warisan budaya yang kaya dan mampu memperkukuh ikatan kepelbagaian masyarakat di negara ini.





TEMUBUAL EKSKLUSIF BICARA NARATIF PEMERKASAAN KAWASAN RUKUN TETANGGA PROGRESIF



22 Januari 2024, Kuala Lumpur - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dalam Temubual Eksklusif Bicara Naratif Pemerksaan Kawasan Rukun Tetangga Progresif di Wisma Berita RTM



SAMBUTAN PESTA PONGGAL KEBANGSAAN 2024

20 Januari 2024, Selangor - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menghadiri Sambutan Pesta Ponggal Kebangsaan 2024 yang bertemakan "Ottrumai Ponggal" dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri bertempat di Dataran Majlis Perbandaran Klang, @ Padang Chetty Klang.

sosial masyarakat Malaysia ke arah membangun Malaysia MADANI di bawah konsep membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian.

Turut hadir, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor, YB Senator Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YB Tuan V. Ganabatrau Veraman, Ahli Parlimen Klang, serta pengurusan tertinggi Kementerian Perpaduan Negara dan Kerajaan Negeri Selangor.

Program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Kementerian Perpaduan ini adalah bertepatan dengan usaha mempromosikan kesepaduan





KUNJUGAN HORMAT PENGARAH DAN PENGASAS INSTITUT KAJIAN ETNIK KEPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

23 Januari 2024, Putrajaya - YBhg. Prof Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah dan Pengasas Institut Kajian Etnik telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara bertempat di sini hari ini.

PROGRAM RAMAH MESRA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA BERSAMA PERONDA SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) TAMAN DAHLIA



24 Januari 2024, Selangor - Program Ramah Mesra YBhg Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara bersama Peronda Skim Rondaan Sukarela (SRS) Taman Dahlia, Bandar Baru Salak Tinggi Sepang, Selangor Darul Ehsan.

Dalam program tersebut, YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof turut menyampaikan geran rukun tetangga berjumlah RM6,000.00 kepada Encik Rahiman Bin Ishak, Pengerusi KRT Taman Dahlia, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA DUTA BESAR MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

5 Januari 2024, Putrajaya – Kunjungan hormat daripada TYT Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA AHLI PARLIMEN KLANG KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

9 Januari 2024, Putrajaya – Kunjungan Hormat daripada YB Tuan Ganabathirau A/L Veraman, Ahli Parlimen Klang kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Perjumpaan Khas ini telah berlangsung di Bilik Perbincangan YB Menteri Aras 10, Kementerian Perpaduan Negara bagi

membincangkan isu-isu dan masalah yang melibatkan jentera perpaduan terutamanya Kawasan Rukun Tetangga dan permasalahan berhubung rumah ibadat demi kesejahteraan suasana perpaduan dalam aspek integrasi nasional secara menyeluruh.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENERUSI MALAYSIAN INVESTMENT DEVELOPMENT AUTHORITY (MIDA) DAN FELO KEHORMAT INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA (MASA) KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

9 JANUARI 2024, Putrajaya - Kunjungan Hormat daripada YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Bin Mahbob, Pengerusi Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan Felo Kehormat Institut Masa Depan Malaysia (MASA) kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Turut hadir, YBrs. Encik Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan YBhg. Dato' Hj. Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Delegasi daripada Insitut Masa Depan Malaysia (MASA) yang turut hadir bersama-sama adalah

YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Azizan Baharuddin, Pengarah Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya, merangkap Penyanggandang Kursi Kelestarian UKM-YSD dan Felo Kehormat MASA, YBrs. En. Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif MASA dan Pengerusi Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (CENTHRA), dan YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua Bahagian Dasar & Penyelidikan MASA.

Pelbagai perbincangan secara holistik telah diadakan dalam pelaksanaan perancangan secara strategik antaranya menasionalisasikan dialog perpaduan negara.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA MENTERI DI JABATAN PREMIER SARAWAK KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

11 Januari 2024, Putrajaya - Kunjungan Hormat daripada YB Dato Sri John Sikie Tayai, Menteri di Jabatan Premier Sarawak kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Turut hadir, YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang, ADUN N59 Tamin dan YBhg Dato' Sri Idris Jala, Ketua Pegawai Eksekutif Pemandu Associates.





KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA AHLI MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

15 Januari 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat daripada Encik Anas Zubedy, Ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Pelbagai kerjasama strategik bagi program [#SaySomethingNice](#) yang menggalakkan penyebaran nilai-nilai positif ke seluruh negara melalui pengukuhan semangat cinta akan negara turut dibincangkan.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA UCSI KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

16 Januari 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat Prof Adjung Mohd Khairuddin Md Tahir daripada UCSI kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA AHLI PARLIMEN JELUTONG SELAKU PENGERUSI LEMBAGA WAKAF HINDU (HEB) PULAU PINANG KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

16 Januari 2024, Putrajaya - Kunjungan hormat daripada YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji, Ahli Parlimen Jelutong selaku Pengerusi Lembaga Wakaf Hindu (HEB) Pulau Pinang kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara.

Turut hadir bersama YB Senator Saraswathy a/p Kandasamy Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Timbalan Pengerusi (HEB) YB Senator Lingshwaran R Arunasalam dan Setiausaha Kehormat Dr. Vishanthini.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KEPADA KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

22 Januari 2024, Putrajaya - YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertempat di Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.





KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENERUSI YAYASAN DATO' CHE ABDULLAH AL-LAMBORI KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

23 Januari 2024, Putrajaya - YBhg. Dato' Che Abdullah Bin Mat Nawi, Pengerusi Yayasan Dato' Che Abdullah Al-Lambori telah mengadakan kunjungan hormat kepada YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara di sini hari ini.

Turut hadir, YBrs. Encik Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Encik Che Din bin Mustap, Pegawai Perhubungan dan Encik Izani bin Abd Wahab, Pegawai Seranta.



SESI LIBAT URUS MENTERI PERPADUAN NEGARA BERSAMA PAKAR EKONOMI DALAM BIDANG PERLINDUNGAN SOSIAL ANJURAN KUMPULAN WANG SIMPAPAN PEKERJA (KWSP)

23 Januari 2024, Putrajaya - Sesi libat urus YB Datuk Aaron Ago Dagang Menteri Perpaduan Negara bersama pakar ekonomi dalam bidang perlindungan sosial, YBhg. Dr. Amjad Rabi anjuran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di sini hari ini.

Sesi tersebut turut dihadiri oleh Encik Muhammad Afhzal Abdul Rahman, Ketua Pegawai Teknologi Digital KWSP, Puan Balqais Yusoff, Ketua Jabatan Polisi dan Strategi KWSP serta pegawai-pegawai KWSP bagi membincangkan kajian semula Skim KWSP sebagai salah satu usaha memperkukuh sistem persaraan Malaysia.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENERUSI MAJLIS HAL EHWAL WANITA DAN KELUARGA UMNO MALAYSIA (HAWA) KEPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



24 Januari 2024, Putrajaya - YBhg. Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil, Pengerusi Majlis Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga UMNO Malaysia (HAWA) telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara bertempat di sini hari ini. Turut hadir, YB Senator Datin Hajah Ros Suryati Alang, Ahli Dewan Negara



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENERUSI YAYASAN SUKARELAWAN SISWA KEPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

29 Januari 2024, Putrajaya – Kunjungan Hormat daripada YBhg. Tan Sri Prof. Emerita Dr. Mazlan Othman, Pengerusi Yayasan Sukarelawan Siswa kepada YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara di sini hari ini.

Turut hadir, Dr. Wan Ahmad Hazman bin Wan Daud Timbalan Pengerusi II YSS, En. Khairulizam Othman Ahli LPA YSS, YBhg. Datuk Dr. Tengku Naufal Tengku Mansor, Penasihat Undang-

undang dan Setiausaha Syarikat, Encik Wong Kin Lun Ketua Pegawai Eksekutif YSS, dan Encik Abdul Na'em Suhaime, Pengurus Kanan YSS.

Sesi kunjung hormat ini membincangkan potensi kolaborasi dan hala tuju YSS-KPN serta mengalunkan pelantikan YBhg. Datuk KSU selaku Timbalan Pengerusi I YSS dan ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Amanah YSS.

FEB 2023

MAJLIS APRESIASI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA 2023

23 Februari 2024, Putrajaya - Majlis Apresiasi Kementerian Perpaduan Negara 2023 yang telah diadakan di Le Meridien Putrajaya ini bertujuan untuk menghargai sumbangan dan kejayaan warga KPN. Tahun 2023 menyaksikan KPN mengorak langkah membangunkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity In Diversity).

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara mengucapkan syabas dan tahniah atas komitmen yang telah diberikan oleh seluruh tenaga kerja Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam melaksanakan program-program Kementerian sepanjang tahun 2023 dan berharap komitmen dan kerjasama yang telah ditunjukkan dapat diteruskan dalam melipatgandakan usaha ke arah menjayakan agenda perpaduan nasional.



MAJLIS PELANCARAN KONGSI MERIAH 2024

1 Februari 2024, Selangor - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah hadir ke Majlis Pelancaran Kongsi Meriah 2024, bertempat di MYDIN, USJ Subang Jaya.

Turut Hadir, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YBr. Tuan Mohamad Sobri Mad Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YB Tuan Wong Chen, Ahli Parlimen Subang, YB Puan Michelle Ng Mei Sze, Adun Subang Jaya, YBr. Tuan Ahimmat Mydin Pengarah Eksekutif Mydin Mohamed Holdings Berhad dan Ketua-Ketua Pengarah Jabatan Dan Agensi Kementerian Perpaduan Negara.



PUTRAJAYA OPEN DAY 2024

1 Februari 2024, Putrajaya - YBr. Tuan Mohamad Sobri Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, turut hadir dan meluangkan masa singgah ke reruai Kementerian Perpaduan Negara No.01 di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

PERASMIAN PROGRAM FOODUNITES: INI WARISAN KITA

3 Februari 2024, Sarawak – YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Program FoodUnites Ini Warisan Kita bertempat di Kuching Waterfront, Sarawak.

Program FoodUnites ini merupakan salah satu daripada inisiatif Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang bertujuan untuk menghidupkan semula dan mengekalkan makanan warisan sebagai simbol perpaduan di Malaysia. Foodunites merupakan tapak integrasi baharu yang akan diketengahkan sebagai salah satu platform untuk mengukuhkan jalinan interaksi sosial dan etnik di Malaysia untuk menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui makanan.



FESTIVAL SABAH BORNEO UNITI 2024

3 Februari 2024, Sabah - YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara telah merasmikan Festival Sabah Borneo Unity 2024 bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC).


Kementerian Perpaduan Negara komited untuk terus meraikan kepelbagaian budaya dan warisan negara dengan semangat perpaduan dan saling hormat-menghormati. Keunikan kita adalah kekuatan kita, dan dengan bersatu padu kita dapat membina masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang.

KUNJUNGAN HORMAT KEPADA YAB MENTERI BESAR KELANTAN

4 Feb 2024, Kelantan - YB Menteri Perpaduan Negara telah mengadakan kunjungan hormat kepada YAB Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuriddin Haji Daud.

Dalam pertemuan ini, kedua-dua pilihan telah bertukar pandangan serta membincangkan kerjasama antara Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Kerajaan Negeri Kelantan.

Tidak kira pihak kerajaan mahupun pembangkang, kita harus bersama dan komited dalam menjayakan agenda perpaduan negara dalam melahirkan rakyat Malaysia yang bersopan-santun, bertoleransi, hormat-menghormati, bersatu padu dan progresif.



PROGRAM KOMUNITI RAHMAH DI KRT LUBOK SETOL

4 Feb 2024, Kelantan - YB Menteri Perpaduan Negara sempat bersama-sama warga jentera perpaduan di KRT Lubok Setol, Pasir Mas bagi menjayakan Program Komuniti Rahmah.

YB Menteri turut menyampaikan sumbangan Kotak Rahmah kepada 100 orang penerima. Turut mengumumkan peruntukkan sebanyak RM 50,000.00 bagi aktiviti pemerksaan KRT di Pasir Mas.

Sehingga kini, terdapat sebanyak 128 Skwad Unit di seluruh negara yang telah diwujudkan untuk memberikan perkhidmatan bantuan sekiranya berlakunya bencana. Kini di Kelantan terdapat sebanyak 10 Skwad Unit. Justeru, bilangan ini akan ditingkatkan supaya sekurang-kurangnya terdapat 1 Skwad Unit di setiap kawasan Parlimen di Negeri Kelantan.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KEPADA TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR (PENGURUSAN)



19 Februari 2024, Johor – Kunjungan hormat daripada YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara ke Pejabat YB Dato' Haji Ismail Bin Haji Abu Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan) bagi pembentangan pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat kebangsaan Tahun 2024.

WALKABOUT SEMPENA PROGRAM CITRA NUSA @ MELAKA

20 Februari 2024, Melaka - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mengadakan sesi Walkabout sempena program Citra Nusa@Melaka di Bastion House, Bandar Hilir, Melaka hari ini. Program ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dan Institut Seni dan Warisan Melaka.

Program Citra Nusa yang telah memasuki tahun kedua ini diadakan dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan sekaligus mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara di kalangan masyarakat. Menerusi program ini, muzium berperanan sebagai guardian of heritage yang mengumpul, memelihara serta melestarikan koleksi sejarah, warisan, seni dan budaya masyarakat berbilang kaum di negara



ini selain sebagai satu daripada wadah untuk integrasi perpaduan kaum.

Program Bermalam di Muzium merupakan program signature Jabatan Muzium Malaysia yang telah dilaksanakan seawal tahun 2007 dan kini dilaksanakan pada setiap tahun dengan melibatkan pelajar sekolah di seluruh Malaysia. Sehubungan dengan itu, YB Datuk Aaron turut mengumumkan bahawa pada tahun ini Program Bermalam di Muzium akan melibatkan kumpulan belia sehingga umur 30 tahun.

Program ini berlangsung bermula dari 17 hingga 21 Februari dengan pelbagai pengisian aktiviti yang menarik seperti pameran Malaysia Tanah Airku: Dulu, Kini dan Masa Depan dan program sisipan berteraskan kebudayaan, kesenian dan warisan masyarakat pelbagai kaum seperti persembahan kebudayaan pelbagai etnik, aktiviti Do-It Yourself (DIY) wayang kulit, aktiviti DIY membuat batu seremban, aktiviti DIY mewarna batik bermotifkan flora dan fauna, demonstrasi memakai telepek, susun suai gambar, dan pertandingan mewarna.

MAJLIS MEMPERINGATI PERISTIWA PENGISYTIHARAN KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU



20 Februari 2024, Melaka - Majlis Memperingati Peristiwa Pengisytiharan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Melaka pada 20 Febuari 1956 di Perkarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Bandar Hilir yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

Semoga semangat perjuangan kemerdekaan nenek moyang kita 68 tahun yang lepas terus menjadi iktibar dan pegangan untuk memelihara kesejahteraan negara serta aspirasi untuk membawa tanahair tercinta ini ke satu tahap yang lagi tinggi.

Turut hadir, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.



LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA DIBACA DI DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

27 Februari 2024, Kuala Lumpur - Buat julung kalinya, lafaz ikrar Rukun Negara secara penuh bermula daripada mukadimah dibaca di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia.

Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk menghidupkan semula penghayatan Rukun Negara dalam kehidupan seharian.

Semoga semua Ahli-ahli Parlimen dapat menjadi suri teladan kepada seluruh rakyat Malaysia dalam menjadikan Rukun Negara sebagai falsafah negara.



MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA (MPPN) BIL 1/2024

29 Februari 2024, Kuala Lumpur - Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) Bil 1/2024 telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri.

Mesyuarat pada kali ini antara lainnya telah meluluskan cadangan Pemerksaan Agenda Perpaduan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang menyentuh mengenai inisiatif pemerksaan Rukun Tetangga (RT) Progresif, penghayatan Rukun Negara dan mengangkas Mediator Komuniti secara khususnya.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KEPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

7 Februari 2024, Putrajaya - Kunjungan Hormat daripada YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara kepada YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri bagi membincangkan beberapa kolaborasi strategik bagi meningkatkan kebolehpayaan JPNIN dalam mengukuhkan peranan di peringkat akar umbi.

Turut hadir, YBhg.Dato' Hj. Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.



PROGRAM TEMU MESRA MEDIA BERSAMA MENTERI PERPADUAN NEGARA

4 Mac 2024, Kuala Lumpur - Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan Program Temu Mesra Media bersama Menteri Perpaduan Negara di sini hari ini.

Program ini dihadiri oleh para editor kanan, ketua-ketua pengarang serta rakan-rakan wartawan. Melalui satu dialog bersama media yang bertajuk Di Sebalik Layar : Menyelami Peranan Media dalam Menyuburkan Perpaduan, YB Menteri Perpaduan telah berkongsi mengenai Hala Tuju Kementerian Perpaduan Negara 2024.

Terima kasih tidak terhingga kepada semua rakan media yang sudi hadir dan sentiasa menyokong inisiatif yang dilaksanakan oleh KPN dengan liputan yang positif dan meluas.

Kami juga sangat menghargai para pengamal media yang membantu KPN dalam menyampaikan mesej-mesej perpaduan dan keharmonian kaum kepada rakyat Malaysia.



LAWATAN TAPAK CADANGAN PEMBINAAN BANGUNAN ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI Kelantan

5 Mac 2024, Kelantan - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan delegasi telah mengadakan lawatan ke tapak cadangan bagi pembinaan bangunan arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan bersama pihak D/A Yusri Maju Machinerics Sdn Bhd.

Turut hadir, Encik Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Dato; Jaafar Sidek, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.





SAMBUTAN HARI WANITA TAHUN 2024 PERINGKAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

5 Mac 2024, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Sambutan Hari Wanita Tahun 2024 Peringkat Kementerian Perpaduan Negara.

Tema Hari Wanita 2024 iaitu "WANITA DIJULANG NEGARA GEMILANG" amat bertepatan bagi mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan negara.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENERUSI SHANDONG YI-JING STUDY CENTER, CHINA DAN PRESIDENT PERSATUAN HAN MALAYSIA KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

7 Mac 2024, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada Master Shi Chang Jing, Pengerusi Shandong Yi-Jing Study Center, China dan YBhg. Dato' Goh Hin San, President Persatuan Han Malaysia bagi membincangkan berkenaan Cadangan Penganjuran Persidangan Antarabangsa: Sejarah Kedah Tua Berdasarkan Catatan Yi-Jing. Persidangan ini dijangka akan berlangsung pada 11 hingga 13 Julai 2024.

Persidangan ini akan dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia dan Arkib Negara Malaysia. Turut hadir, Pengurusan Tertinggi Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan dan Agensi.



DIALOG HARMONI PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

9 Mac 2024, Pulau Pinang - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Dialog Harmoni Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 hari ini.

Mengangkat tema 'Nilai-Nilai Murni Pemangkin Perpaduan dan Keharmonian Masyarakat', ia bertujuan untuk memperkukuh semangat kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat serta menangani isu-isu yang berkaitan dengan keharmonian antara penganut agama, meningkatkan toleransi, dan mengukuhkan pemahaman.

Selain itu ia turut memberi penekanan terhadap budaya saling hormat menghormati terhadap kepelbagaian budaya dan agama masyarakat Malaysia yang berbilang etnik.



SESI RAMAH MESRA BERSAMA AHLI-AHLI HARMONY CORPORATION (HARMONICA)

9 Mac 2024, Pulau Pinang - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara meluangkan masa bersama ahli-ahli Harmony Corporation (HARMONICA), di Pusat Harmoni, Pulau Pinang.

Kementerian Perpaduan Negara amat komited dalam menjayakan agenda keharmonian dan kesejahteraan antara penganut agama di Malaysia.

Kementerian pada tahun ini, turut melancarkan Inisiatif Harmoni Madani sebagai usaha usaha meningkatkan keharmonian dalam masyarakat Malaysia.



SESI RAMAH MESRA BERSAMA PERSATUAN MUHIBBAH

9 Mac 2024, Pulau Pinang - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menghadiri Sesi Ramah Mesra bersama Persatuan Muhibbah yang berlangsung di Bangunan Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG).

Program ini diadakan bagi tujuan perkongsian berhubung agenda perpaduan dan keharmonian negara Malaysia.



MAJLIS SAMBUTAN PERAYAAN HARI MOYANG KAUM MAH MERI TAHUN 2024



9 Mac 2024, Selangor - Majlis Sambutan Perayaan Hari Moyang Kaum Mah Meri Tahun 2024 ini di Bumbun Pulau Carey. Penduduk - penduduk daripada suku kaum Mahmeri telah hadir bagi menjayakan sambutan pada kali ini. Pelancong - pelancong dari luar Negara juga telah turut serta memeriahkan sambutan Kali ini. Saudara Haridass, Penyelaras Ahli Parlimen Kuala Langat hadir bersama. Kita sedia maklum, perayaan

Hari Moyang laut disambut oleh suku kaum Mah Meri setiap tahun selepas Tahun Baru Cina. Tujuan diadakan adalah bagi memohon perlindungan, pengampunan dan kesejahteraan kepada keluarga dan penduduk-penduduk di sekitar dengan memberi penghormatan kepada leluhur dan roh nenek moyang ketika tahun baru.

Setiap tahun, Masyarakat Mah Meri tidak pernah ketinggalan untuk

mengadakan majlis yang penuh dengan keunikan dan makna yang sudah tentu menjelaskan perpaduan di negara. Saya percaya sokongan dan kerjasama padu serta sokongan yang berterusan akan dapat meningkatkan lagi hubungan baik antara Kementerian Perpaduan Negara dan Masyarakat Mah Meri untuk terus Melakar kejayaan yang cemerlang



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENERUSI PUSPANITA KEPADA TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

13 Mac 2024, Putrajaya- YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Datin Roszita Binti Imaduddin, Pengerusi PUSPANITA, Kementerian Perpaduan Negara.

MESYUARAT AGUNG CAWANGAN PUSPANITA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KALI KE-4

14 Mac 2024, Putrajaya - YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Mesyuarat Agung Cawangan Puspanita Kementerian Perpaduan Negara Kali Ke-4.

Turut hadir, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan YBhg. Datin Roszita binti Imaduddin, Pengerusi Puspanita Kementerian Perpaduan Negara.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENSYARAH SENI BINA UNIVERSITI UCSI KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

19 Mac 2024, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Prof Dr. Mohd Tajuddin bin Mohd Rasdi, Pensyarah Seni Bina Universiti UCSI di sini hari ini.

Turut hadir, YBrs. Encik Mohamad Sobri Bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan delegasi daripada UCSI.



BENGGEL HALA TUJU MITRA

20 Mac 2024, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menyampaikan ucapan pertama serta merasmikan Bengkel Hala Tuju MITRA di sini hari ini.

Turut hadir, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YBrs. Encik Mohamad Sobri Bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Pengurusan tertinggi daripada Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan dan Agensi.



SESI LIBAT URUS HALA TUJU UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA (MITRA) MALAYSIA 2024 BERSAMA AHLI PARLIMEN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN) BERBANGSA INDIA

26 Mac 2024, Kuala Lumpur - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan telah hadir ke sesi libat urus hala tuju Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) Malaysia 2024 bersama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berbangsa India.





PENGGULUNGAN PERBAHASAN TITAH DIRAJA PERINGKAT DEWAN NEGARA

26 Mac 2024, Kuala Lumpur - Sebentar tadi, saya menggulung perbahasan Titah DiRaja peringkat Dewan Negara dengan menjelaskan beberapa perkara berhubung dasar perpaduan, Indeks Perpaduan Nasional, program-program perpaduan, MITRA, dan pemerkasaan KRT.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENERUSI JAWATANKUASA PERPADUAN, WARISAN DAN BUDAYA NEGERI JOHOR KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

26 Mac 2024, Kuala Lumpur - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya Negeri Johor.

PROGRAM IHYA RAMADAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

2 April 2024, Putrajaya- Program Ihya Ramadan Kementerian Perpaduan Negara iaitu Majlis Khatam Al-Quran dengan kerjasama Puspanita Kementerian Perpaduan Negara telah diadakan di Dewan Serbaguna Aras 1, Komplek F9, Kementerian Perpaduan Negara.

Majlis Khatam Al-Quran pada pagi ini telah diketuai oleh Ustaz Don Daniyal dan telah disertai oleh seluruh warga Kementerian Perpaduan Negara.

Surah tadabbur iaitu surah Dhuha memiliki banyak makna mendalam sebagai pesan yang disampaikan oleh Allah kepada Rasulullah SAW dan seluruh umatnya.



MAJLIS IFTAR KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA 2024

2 April 2024, Putrajaya - Majlis Iftar Kementerian Perpaduan Negara 2024 telah berlangsung dengan jayanya pada 2 April 2024 bertempat di Dewan Maksak, Presint 14, Putrajaya.

Majlis iftar ini dimeriahkan dengan kehadiran YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Turut hadir, YBrs. Encik Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Pengurusan Tertinggi Kementerian, Jabatan dan Agensi.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENGARAH PUSAT KOMAS DAN PENGARAH PROGRAM PUSAT KOMAS KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

2 April 2024, Putrajaya – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada Encik Jerald Joseph, Pengarah Pusat Komus dan Dr. Ryan Yumin Chua Pengarah Program Pusat Komus di sini pada hari ini.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA MALAYSIA HINDU SANGAM KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

15 April 2024, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada Sri. Alagandran Sevasamy, Malaysia Hindu Sangam.

Turut hadir, YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan delegasi daripada Malaysia Hindu Sangam.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA EXCO KESIHATAN, SUMBER MANUSIA DAN PERPADUAN NEGERI MELAKA KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

15 April 2024, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada YB Tuan Ngwe Hee Sem, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Negeri Melaka.

Turut hadir, YBhg.Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.



SESI PERTEMUAN DAN TAKLIMAT DARIPADA PENGARAH RED ANTLERS SDN BHD BERSAMA MENTERI PERPADUAN NEGARA

15 April 2024, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mengadakan sesi pertemuan dan taklimat bersama Encik Ahmad Suffian bin Mamat, Pengarah Red Antlers Sdn Bhd.

Turut hadir, YBhg.Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.



KUNJUNGAN HORMAT OLEH PROFESOR PELAWAT KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

16 April 2024, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat oleh Profesor Pelawat, YBhg. Prof Datuk Dr. Paramasivan Muthusamy.

Turut hadir, YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.



PAMERAN RUMAH KAMI SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN

20 April 2024, Sabah - Kementerian Perpaduan Negara telah mengadakan pameran Rumah KAMI sempena Majlis Sambutan Aidilfitri Madani 2024 peringkat Kebangsaan.

Setiap perayaan diraikan rakyat pelbagai kaum di Malaysia perlu dijadikan sebagai teras perpaduan yang merupakan kunci utama kepada keharmonian kaum serta kesejahteraan rakyat dan negara.



Rumah KAMI pada kali ini telah menampilkan sebanyak 12 etnik dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kesemua rakyat Malaysia harus menghayati elemen dan nilai Perpaduan Dalam Kepelbagaian supaya dapat bersama-sama mewujudkan negara yang aman dan damai.



MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI PERINGKAT KEBANGSAAN

20 April 2024, Sabah – Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI Peringkat Kebangsaan di Negeri Sabah yang bertemakan “Perpaduan Melalui Perayaan” telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan seterusnya mendukung hasrat Kerajaan untuk membina Malaysia MADANI melalui “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”.

Program yang juga telah dihadiri oleh lebih 30,000 orang pengunjung dan ini juga telah menandakan bermulanya Jelajah Kembara Perpaduan sempena Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024.

Pelbagai pengisian dan aktiviti melibatkan pelbagai kaum dan budaya telah dilaksanakan iaitu pameran 12 Rumah KAMI (etnik), persembahan kebudayaan dan hidangan juadah dengan berkonsepkan ‘food unites’.

Program ini turut dihadiri oleh YAB Perdana Menteri, Ketua Menteri Sabah, Menteri Perpaduan Negara dan pemimpin-pemimpin dari seluruh negara yang turut berkongsi aspirasi Kementerian Perpaduan Negara bersama pengunjung yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.



MAJLIS SULAMAN KASIH AIDILFITRI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

20 April 2024, Putrajaya - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim atas limpah perkenan berangkat bercemar duli ke Majlis Sulaman Kasih Aidilfitri KPN.

Bertemakan Perpaduan Melalui Perayaan, sambutan ini diadakan sebagai platform kepada warga KPN, jabatan dan agensi untuk berkumpul dengan semangat perpaduan dalam suasana harmoni bagi meraikan perayaan Aidilfitri. Kehadiran Baginda dan pemimpin tertinggi negara ini adalah sebagai tanda sokongan padu terhadap KPN dalam usahanya memartabatkan agenda perpaduan di negara ini serta kesungguhan kerajaan dalam memupuk semangat perpaduan dan kesepaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA AHLI DUN SARAWAK: N.53 BAWANG ASSAN KEPADA MENTERI PERPADUAN NEGARA

23 April 2024, Putrajaya - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menerima kunjungan hormat daripada YB Dato Seri Wong Soon Koh, Ahli Dun Sarawak: N.53 Bawang Assan di sini hari ini.



PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN TAHUN 2024 (SMP 2024) PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN BERSEMPENA PELANCARAN LABUAN INTERNATIONAL SEA CHALLENGE (LISC 2024)

26 April 2024, Labuan – SMP 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan telah dirasmikan oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) bersempena dengan pelancaran Labuan International Sea Challenge (LISC 2024).

Sambutan Minggu Perpaduan dilaksanakan bertujuan mengukuhkan semangat patriotisme, nilai perpaduan, dan hubungan antara kaum sejajar dengan gagasan Malaysia MADANI. Majlis ini turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara.

Bersempena dengan SMP 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan Siri Jelajah Kembara Perpaduan yang akan menjelajah ke enam (6) lokasi. Labuan merupakan lokasi ketiga (ke-3) bagi siri jelajah ini selepas Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, sekali gus merayakan SMP Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.



PROGRAM JEJAK HARMONI PERDANA SEMPENA PELANCARAN INISIATIF HARMONI MADANI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024

27 April 2024, Kuala Lumpur - Program Jejak Harmoni Perdana Sempena Pelancaran Inisiatif Harmoni MADANI Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2024 yang dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara bertempat di Gereja Tamil Methodist, Brickfields Kuala Lumpur/Dewan Kalamandapam, Brickfields, Kuala Lumpur di sini hari ini.



MAJLIS PERASMIAN MALAM SILANG BUDAYA PERPADUAN SEMPENA SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2024 (SMP 2024) PERINGKAT WP LABUAN

27 April 2024, Labuan - YBrs. Tuan Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan

Negara telah merasmikan Malam Silang Budaya Perpaduan bersempena dengan SMP 2024 WP Labuan.

Acara menarik tersebut menjadi salah satu fokus utama dalam pengisian aktiviti yang memainkan peranan penting dalam memupuk kefahaman, toleransi, dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya. Ia turut membina hubungan silaturrahim serta jalinan



sosial yang kuat di antara masyarakat berbeza latar belakang budaya, di samping dapat mempromosikan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu.

Program ini turut memberi kesedaran kepada masyarakat tentang

keunikan budaya setiap etnik selain menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai bidang seperti pelancongan, seni dan budaya, ekonomi, kolaborasi dan pertukaran budaya yang membawa impak positif.



SEJAHTERA MALAYSIA "A FORUM ON SOCIAL HARMONY AND NATIONAL UNITY EXPLORING HARMONI-MESRA IN THE PURSUIT OF THE OBJECTIVES OF RUKUN NEGARA"

29 April 2024, Kuala Lumpur - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Sejahtera Malaysia "A Forum on Social Harmony and National Unity Exploring Harmoni-Mesra in the Pursuit of the Objectives of Rukun Negara" bertempat di Le Quadri Hotel by UCSI Hotels.

Turut hadir, YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan YBrs. Tuan Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

MAJLIS PERASMIAN ANUGERAH MY HERO 4.0

11 Januari, Kuala Lumpur - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Perasmian Anugerah My Hero 4.0 yang berlangsung di Wisma Chinese Chamber, Ampang Kuala Lumpur hari ini.

Program ini diadakan dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (The Chinese Chamber of Commerce and Industry of Kuala Lumpur & Selangor) serta akhbar Nanyang Siang Pau



Penganugerahan My Hero 4.0 adalah sebagai satu pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang menunjukkan ketabahan, keberanian dan keazaman yang tinggi dalam membantu rakyat tanpa mengira agama dan bangsa.

Anugerah My Hero pada tahun ini telah memasuki edisi yang keempat (4.0). Seramai 13 calon akhir telah disenarai pendek (shortlisted) oleh panel juri.

PERASMIAN KONVENSYEN MEDIASI KOMUNITI YANG BERTEMAKAN "MEDIATOR KOMUNITI: PEMANGKIN KEHARMONIAN NEGARA"

24 Februari, Kuala Lumpur - Perasmian Konvensyen Mediasi Komuniti yang bertemakan "Mediator Komuniti: Pemangkin Keharmonian Negara" pada hari ini di Dewan Tun Dr. Ismail, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Inisiatif ini menandakan langkah penting dalam memperkukuh peranan Mediator Komuniti sebagai pendamai masyarakat.

Mediator Komuniti juga dikenali sebagai jentera perpaduan yang sangat penting dalam menyatupadukan perbezaan kaum serta membantu memelihara keharmonian masyarakat di kawasan komuniti. Sehingga kini, sebanyak 564 Mediator Komuniti yang terdiri daripada 163 Pegawai Perpaduan, 379 AJK Komuniti Rukun Tetangga (KRT), dan 22 NGO Agama.



PROGRAM GERAK RAHMAH: 'JOM MASAK BUBUR LAMBUK PERPADUAN DAN SUNGKEI PERDANA 2024'

23 Mac 2024, Sarawak – YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Program GERAK RAHMAH: 'Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan dan Sungkei Perdana 2024' yang dilaksanakan secara serentak di seluruh negara.

Lebih 600,000 bekas bubur lambuk akan diedarkan di seluruh negara oleh anggota KRT. Selain agihan bubur lambuk, terdapat juga program lain seperti sumbangan Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah, dan iftar Ramadan.

Juadah bubur lambuk harus diangkat sebagai simbol perpaduan dan nilai kebersamaan yang dapat dilihat dengan signifikan melalui penggabungan pelbagai ramuan seperti beras, bawang, rempah, daging dan sebagainya yang akhirnya memberikan citarasa yang sedap.

Selain itu, amalan penyediaan bubur lambuk di Malaysia secara "rewang" atau gotong royong dalam komuniti juga merupakan simbol perpaduan yang unik. Konsep penyatuan seperti ini harus juga diterjemahkan dalam kehidupan seharian dalam semua peringkat lapisan masyarakat sekaligus mengangkat agenda "Perpaduan Dalam Kepelbaggian".



PROGRAM GERAK RAHMAH 2024: JOM MASAK BUBUR LAMBUK PERPADUAN & PENYAMPAIAN SUMBANGAN RAHMAH PARLIMEN TAMBUN

25 Mac 2024, Perak – YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri diringi oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Program GERAK RAHMAH 2024: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan & Penyampaian Sumbangan Rahmah Parlimen Tambun.

PROGRAM CILIK PERPADUAN KEMBALI KE TABIKA PERPADUAN DAN TASKA PERPADUAN TAHUN 2024

27 Mac 2024, Selangor - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Program Cilik Perpaduan Kembali Ke Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan Tahun 2024 di Rumah Pangsa Impian, Bandar Saujana Putra.



BICARA HARMONI SIRI 1: 5 PRINSIP RUKUN NEGARA SEBAGAI ASAS KEPADA TITIK PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL

7 April, Putrajaya - Podcast Bicara Harmoni Siri 1: 5 Prinsip Rukun Negara Sebagai Asas Kepada Titik Perpaduan dan Integrasi Nasional.

Episod 5: Kesopanan dan Kesusilaan

Dalam episod ini, hos dan panel akan membincang betapa pentingnya Prinsip Rukun Negara kelima, iaitu Kesopanan dan Kesusilaan dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang penuh beretika serta rakyat yang berakhlak tinggi. Mesej yang cuba disampaikan adalah supaya rakyat Malaysia menerima, memahami dan menghormati kepelbagaian agama, budaya, adat resam, bahasa dan nilai-nilai perpaduan dengan berteraskan Perlembagaan dan Rukun Negara.



ARKIB NEGARA MALAYSIA

WACANA ILMU SEMPENA PERISTIWA PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Arkib Negara Malaysia (ANM) melalui Bahagian Arkib Negarawan (BAN) telah melaksanakan Program Wacana Ilmu Sempena Peristiwa Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 20 Februari 2024 bertempat di Perkarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka. Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Tujuan utama program ini dilaksanakan bagi memperingati kembali dan menghayati peristiwa bersejarah kemerdekaan negara yang bermula selepas termeterainya Perjanjian



Kemerdekaan Tanah Melayu di London pada 8 Februari 1956 sehingga Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956.

MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH DAN PAMERAN 50 TAHUN PENUBUHAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Arkib Negara Malaysia melalui Seksyen Dokumentasi dan Penerbitan telah menganjurkan Majlis Pengkisahan Sejarah dan Pameran 50 Tahun Penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 22 Februari 2024 (Khamis) di Auditorium PPPAV, Arkib Negara Malaysia. Program yang diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2024 ini dirasmikan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara.

Objektif Program adalah untuk menyemarakkan Sambutan 50 Tahun Penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan lebih berkesan melalui pengisahan sejarah dan pameran yang bersifat interaktif dan interaksi secara dua hala. Mengumpul dan mendokumentasikan maklumat lisan daripada tokoh dan pengkaji sejarah bagi melengkapkan bahan arkib dan menambah sumber rujukan berkaitan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sedia ada di Arkib Negara Malaysia dan memasyarakatkan maklumat sejarah bagi memperkukuhkan semangat patriotisme, jati diri dan perpaduan dalam kalangan masyarakat demi kejayaan Malaysia MADANI dan kemakmuran bersama.



BICARA SEJARAH DAN KOMUNITI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Arkib Negara Malaysia melalui Seksyen Dokumentasi dan Penerbitan dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia Negeri Sabah/W.P. Labuan telah menganjurkan Bicara Sejarah dan Komuniti Wilayah Persekutuan Labuan pada 2 Mac 2024 (Sabtu) di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan. Program ini dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Objektif Program adalah untuk Mengetengahkan keunikan dan kepelbagaian adat istiadat, budaya dan warisan penduduk Wilayah Persekutuan Labuan bagi menzahirkan ketamadunan dan pembentukan identiti sesebuah masyarakat, memperkukuhkan semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan masyarakat bagi mewujudkan perasaan kesatuan dan kesamaan demi kejayaan Malaysia MADANI dan kemakmuran Bersama dan mengumpul dan mendokumentasikan maklumat lisan daripada tokoh dan pengkaji sejarah bagi melengkapkan bahan arkib dan menambah sumber rujukan berkaitan Wilayah Persekutuan Labuan yang sedia ada di Arkib Negara Malaysia.



BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI "CAKNO LOGHAT KELATE"

Arkib Negara Malaysia melalui Seksyen Dokumentasi dan Penerbitan dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia Negeri Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur telah menganjurkan Bicara Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti "Cakno Loghat Kelate" pada 5 Mac 2024 (Selasa) di Grand Riverview Hotel, Kota Bharu, Kelantan. Program ini dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Objektif program adalah untuk mendokumentasikan penggunaan bahasa kolokial dalam kehidupan seharian masyarakat berbilang kaum dan etnik di negara ini bagi menambah sumber rujukan dan penyelidikan bahasa kolokial dalam kalangan generasi kini dan akan datang, menjadikan Arkib Negara Malaysia sebagai hub atau pusat pengumpulan sumber rujukan mengenai Bahasa dan mengetengahkan peranan bahasa sebagai agen perpaduan kaum dan kejayaan Malaysia MADANI yang sekali gus memperkukuhkan semangat cintakan sejarah dan patriotisme dalam kalangan masyarakat.

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

MAJLIS PELANCARAN ALBUM SATWO 'DIPERSEMBUNYIAN'

Pada 27 Februari 2024 telah berlangsungnya majlis pelancaran album SATWO 'Dipersembunyi' anjuran Luncai Emas Sdn. Bhd. dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia di dataran Muzium Negara dan Galeri Muzik, JMM. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusuf, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara serta YBhg. Datuk M.Nasir bin Mohamed selaku Pengarah Urusan Luncai Emas Sdn. Bhd.



PAMERAN ZOOLOGI: SENI TAKSIDERMI

Pameran Zoologi: Seni Taksidermi ini memaparkan tentang sejarah dan perkembangan awal bidang seni taksidermi negara yang telah bermula di Muzium Perak serta proses-proses asas taksidermi. Pameran ini telah dibuka kepada pelawat sejak 1 Disember 2023 hingga 31 Mei 2024. Pameran ini merupakan salah satu daripada pengisian program dalam kalendar acara Sambutan Ulang Tahun Ke-150 Bandar Taiping (1874-2024) dan juga sempena Tahun Melawat Perak 2024. Majlis perasmian pameran ini telah disempurnakan oleh YB Encik Loh Sze Yee, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak



pada 22 Februari 2024.

Majlis itu turut dihadiri oleh YB Encik Ong Seng Guan, ADUN Pokok Assam, Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah

(Permuziuman), JMM dan Encik Nasrul bin Menhat, Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama.

SAMBUTAN PERAYAAN TAHUN BARU CINA PADA 10 DAN 11 FEBRUARI 2024 DI MUZIUM NEGARA

Perayaan Tahun Baru Cina merupakan salah satu perayaan utama bagi masyarakat Cina di Malaysia. Perayaan ini disambut secara besar-besaran pada hari dan bulan pertama mengikut kalendar lunar Cina sebagai menandakan kedatangan tahun baru yang diyakini membawa tuah. Masyarakat Cina percaya bahawa Tahun Baru Cina melambangkan titik permulaan nasib dalam kehidupan seseorang. Malam Tahun Baru diraikan dengan jamuan makanan tradisi seperti kuih bakul, limau mandarin dan *Lao Shang* sebagai simbol kesejahteraan dan kemakmuran. Semasa perayaan, seluruh keluarga akan berkumpul untuk memberi hormat kepada orang-orang tua serta saudara mara mereka sambil mengucapkan 'Gon g Xi Fa Cai'



yang membawa maksud kemakmuran dan kesejahteraan, pemberian ang bao dalam sampul merah kepada kanak-kanak dan ahli keluarga yang belum berkahwin, perarakan tarian naga atau singa serta mengunjungi tempat-

tempat ibadat bagi menyembah dewa dan roh nenek moyang mereka. Chap Goh Meh akan disambut pada hari ke-15 perayaan Tahun Baru Cina sebagai penutup kepada perayaan ini.



PESTA ANGIN TIMUR 2024 "PADI DAN KEARIFAN LOKAL MASYARAKAT"

Program Angin Timur (PAT) yang berlangsung pada 1-3 Mac 2024 dan Muzium Kota Kayang telah terlibat mengisi reruai dengan mempamerkan koleksi artifak berkaitan penanaman padi yang kian dilupakan. PAT ini merupakan program tahunan yang dianjurkan sejak tahun 2011 dengan bertujuan untuk mendekatkan masyarakat khususnya di bahagian utara tanah air dengan pelbagai kegiatan seni, budaya dan warisan. Program ini melibatkan kerjasama antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri Perlis. Kerajaan persekutuan diterajui oleh MOTAC dan diselaraskan oleh JKKM dan dilaksanakan oleh Majlis Kebudayaan Negeri Perlis.

Program ini mengambil nama

sempena peredaran musim sejuk ke musim panas yang dibawa angin dari sebelah timur ke negeri Perlis. Muzium Kota Kayang pada tahun ini telah membawakan pameran yang bertajuk "Padi Dan Kearifan Lokal Masyarakat". Di Malaysia, Kedah dan Perlis merupakan negeri pengeluar utama padi beras negara sehinggakan negeri Kedah digelar sebagai "Jelapang Padi Malaysia".



PESTA ANGIN TIMUR 2024 “PADI DAN KEARIFAN LOKAL MASYARAKAT”

Program Semarak@Muzium Labuan dengan tema Semarakkan Budaya, Perkasakan Komuniti telah diadakan pada 2 - 3 Mac 2024. Program kali ini cukup bermakna kerana diadakan sempena sambutan ulang tahun ke-20 penubuhan Muzium Labuan.

Program yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JMM, Encik Mohamad Shawali bin Hj. Badi dan Pengarah Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Perbadanan Labuan, YBrs Encik Mahathir bin Hj. Abdul Hamid. YB Menteri turut menyatakan Muzium Labuan menyimpan baik khazanah warisan yang signifikan kepada sejarah Labuan seperti artifak batu quernstone zaman Neolitik yang dijumpai di Pulau Buring, koleksi pen, kerusi dan meja yang digunakan semasa upacara menandatangani pengisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984, batu peringatan penyerahan Labuan kepada British daripada kesultanan Brunei pada tahun 1846 dan batu peringatan pembebasan Labuan semasa perang dunia ke-2 di taman berhadapan dengan Muzium Labuan.



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG KUMBATANG, MATUNGGONG, KUDAT, SABAH

17 Februari 2024: YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Kampung Kumbatang, Matunggong, Kudat, Sabah.

Bangunan baharu Perpustakaan Desa Kampung Kumbatang, Matunggong, Kudat, Sabah dengan keluasan 1,000 kaki persegi (kps) telah menjadi mercu

tanda penduduk Daerah Matunggong, Kudat, Sabah dengan mempunyai kemudahan bahan bacaan, komputer dan perkhidmatan Wi-Fi secara percuma kepada penduduk setempat mulai Februari 2022. Usaha menaiktaraf Perpustakaan Desa Kampung Kumbatang, Kudat, Sabah dapat memberi impak positif dan berterusan kepada masyarakat ke arah meningkatkan kadar literasi maklumat dan cintakan ilmu selaras dengan hasrat kerajaan untuk membudayakan masyarakat dengan ilmu pengetahuan.

Seramai 500 orang pengunjung dalam kalangan penduduk setempat telah menyertai pelbagai aktiviti galakan membaca yang diadakan sempena majlis ini berlangsung. Antara aktiviti menarik seperti permainan tradisional



dan sukan rakyat, aktiviti mengecat semula bangunan Balai Raya Kampung Kumbatang, bengkel eUsahawan, sesi demonstrasi dan pameran serta jualan produk tempatan.



JOM BACA BERSAMA 10 MINIT TAHUN 2024

23 April 2024, Putrajaya : Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menganjurkan Program Jom Baca 10 Minit yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara secara hibrid di Dewan SMK Putrajaya, Presint 9 (2).

Program Jom Baca Bersama 10 Minit merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun. Program ini merupakan satu kaedah untuk menggalakkan pembacaan dan memaklumkan kepada masyarakat mengenai perlindungan harta intelek dan hak cipta. Pada tahun ini, tema "Pembacaan Melestarikan Perpaduan" telah dipilih di mana ia melambangkan tindakan meneroka ilmu pengetahuan

LAWATAN KERJA OLEH YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI, TIMBALAN MENTERI PERPADUAN KE PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



1 Mac 2024, Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menerima lawatan kerja oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri Perpaduan Negara. YBrs. Puan Salasih binti Abdul Wahab, Ketua Pengarah PNM dan Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Timbalan Ketua Pengarah PNM telah menyantuni lawatan kerja ini yang bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas berkenaan fungsi dan peranan serta perkembangan dan

pengoperasian terkini PNM.

YB Senator juga turut dibawa melawat Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) untuk melihat pameran mengenai Daftar Warisan Dunia atau UNESCO Memory of the World (MoW) Register, Sesi Demonstrasi Dr. Buku dan Pameran Koleksi Khas/Nadir/Malaysiana.



menerusi pembacaan dan pembelajaran, masyarakat dapat menyumbang kepada pemeliharaan perpaduan dalam kalangan komuniti.

Seramai lebih 1,000 orang telah menyertai program ini secara bersemuka dan dalam talian. Pelbagai aktiviti galakan membaca diadakan sepanjang majlis berlangsung seperti Persembahan Boneka, Sesi Bercerita, Puisi Bersama Tokoh dan Forum Perpaduan Melalui Pembacaan.



YAYASAN SUKARELAWAN SISWA



PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI KOMUNITI SABAH 2023/2024

Program Peneraju Borneo (Sabah & Sarawak) adalah merupakan inisiatif khas di bawah Kementerian Ekonomi Malaysia melalui agensinya iaitu Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam membantu golongan sasar menangani isu kos sara hidup yang semakin meningkat melalui latihan yang bersesuaian mengikut keperluan dan lokaliti.

Program ini merupakan program latihan dan bimbingan keusahawanan.

OBJEKTIF

- Menyediakan skim latihan ekstensif & peningkatan kemahiran.
- Mencipta peluang dan meningkatkan pendapatan isi rumah
- Membantu dan menangani isu kos sara hidup

DEMOGRAFI PESERTA

- 360 orang Bumiputera & Warganegara Malaysia
- 18 - 65 tahun
- Ibu Tunggal & B40 Luar Bandar
- Not in Employment, Education & Training (NEET)
- Peniaga kecil & Sederhana (Industri Kraftangan, Pertanian, Pelancongan, keusahawanan)

LOKASI DAN JUMLAH PESERTA SETIAP DAERAH

- Pulau Banggi, Kudat - 60 orang
- Matunggong, Kudat - 80 orang
- Kundasang, Ranau - 85 orang
- Sook, Keningau - 90 orang
- Semporna, Sabah - 45 orang
- Total: 360 orang**

Berlangsung bermula pada Disember 2023 - Januari 2025



PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI KOMUNITI SABAH 2023/2024

Tarikh: 22 - 25 Februari 2024

Tempat: Dewan Anjung Lestari, Kilim, Langkawi, Kedah.

Bengkel Asas & Lanjutan di bawah Fasa 2 Bengkel Siri 3 Program Pembangunan Koperasi Melalui Pembangunan Modal Insan (Mentoring & Coaching) Skm 2023-2025 yang melibatkan 15 orang peserta secara keseluruhan dari beberapa koperasi sekitar negeri Kedah dan Perlis.

Koperasi yang terlibat adalah:

- Koperasi Eko-Pelancongan Gua Sireh Baling Berhad
- Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Lubuk Sireh Perlis Berhad
- Koperasi Perkampungan Warna-Warni Kampung Tengah Berhad
- Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba Dan Selat Berhad
- Koperasi Komuniti Kampung Kilim Berhad

Bengkel Siri 3 di bawah Modul 3: Alat Penciptaan Kandungan (Content Creation Tool) ini telah diterajui oleh En Shukry atau dikenali sebagai En Bye dari School of VDO.

Sepanjang 3 hari bengkel berlangsung para peserta diberi pengetahuan berkenaan Produk Video Menggunakan Smartphone, Proses Penerbitan Video Teori Proses Rakaman Peralatan Rakaman, Mengatur Cara Kamera (Setting), Shot, Camera Angle, Shot Type & Movement serta Latihan Praktikal Rakaman dan Suntingan Video.

Pada Bengkel 3 ini juga, Puan Norliza, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi Negeri Kedah telah merasmikan Majlis Penutupan Bengkel Fasa 2. Ia turut dihadiri oleh YBrs Encik Wong Kin Lun, Ketua Pegawai Eksekutif YSS dan Ahli Lembaga Koperasi COOPKILIM.





SESI PEMILIHAN SUKARELAWAN SISWA YSS 2024 SIRI 1

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) telah mengadakan Sesi Pemilihan Sukarelawan Siswa YSS 2024 siri 1 di tiga lokasi

Zon Sabah

- 26 Mac 2024
- Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Bangunan Anjung Siswa,
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Zon Sarawak

- 28 Mac 2024
- Pejabat Hal Ehwal & Alumni
- Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Zon Semenanjung

- 30-31 Mac 2024
- Lobi Utama, Kementerian Perpaduan Negara, Putrajaya

Sesi pemilihan ini melibatkan semua IPT di Malaysia dalam kalangan pelajar Universiti Awam, Universiti Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Menerima sambutan seramai 1,040 Orang calon yang hadir pada Sesi Pemilihan pada tahun ini.

YSS yakin melalui misi sukarelawan siswa, sukarelawan siswa terpilih dapat mempraktikkan pelajaran mereka di lapangan dan menjadikannya sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman. Ini selari dengan salah satu Value YSS yang memfokuskan "The Right Volunteer for the Right Job".





ULANG TAHUN YSS KE-12

Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) pada tahun ini menyambut ulang tahun ke-12 sejak penubuhan pada tahun 2012. Sejak penubuhan seramai 1,796 YSS alumni dapat dilahirkan melalui misi dalam dan luar negara anjuran Yayasan Sukarelawan Siswa.

Yayasan Sukarelawan Siswa komited untuk membudayakan kesukarelawan melalui perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia.

THE 4TH YOUTH FEST PROGRAM 2024 IN HO CHI MINH, VIETNAM

Tarikh: 21-23 Mac 2024

Tempat: Ho Chi Minh, Vietnam

Tema : “New generation – Adaptation – Connection and Sharing”

Delegasi Yayasan Sukarelawan Siswa

1. Muhammad Azim bin Nor Azham, Eksekutif YSS
2. Lim Yong, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). #YSS1775
3. Logavendra A/L Loganathan, Universiti Putra Malaysia (UPM) #YSS1737
4. Fairus Noor Balqis binti Mohamad Fauzi Universiti Malaya (UM). #YSS1778
5. Esther Telun Tingai, Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim (IPGKTI) #YSS1715

The 4th Youth Fest Program 2024, In Ho Chi Minh, Vietnam merupakan acara budaya golongan muda di Bandar Ho Chi Minh yang diadakan setiap tahun dalam Bulan Belia untuk meraikan ulang tahun ke-93 Kesatuan Belia Komunis Ho Chi Minh (26 Mac 1931–2024) dengan aktiviti-aktiviti untuk menyambut festival besar negara itu.



YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

CLOSING the gap



Program bimbingan mentor selama 2 tahun bagi pelajar sekolah menengah yang kurang berkemampuan dimana mereka diberikan pendedahan kepada kemahiran, pengetahuan dan set minda yang diperlukan untuk memasuki universiti-universiti ternama.

Secara keseluruhan, seramai 69 Scholars telah menjadi sebahagian daripada program ini bersama 68 mentor yang memberi sokongan kepada para Scholars pada tahun 2024.





BIASISWA

TUNKU ABDUL RAHMAN

Sebuah program biasiswa holistik berasaskan pembangunan diri yang membantu pelajar berpotensi tinggi dan berkeelayakan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di samping membentuk diri mereka menjadi pemimpin muda.

Biasiswa Tunku Abdul Rahman dibuka secara tahunan pada 8 Februari sebagai penghormatan kepada YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.





FUTURE READY

FutureReady adalah sebuah program dengan kerjasama Accenture Malaysia yang memperkasakan pelajar berpendapatan rendah dengan kemahiran, pengetahuan dan sifat berdaya saing agar menyerlah dan cemerlang dalam pasaran kerjaya yang kompetitif untuk berdaya saing dan menyerlah.







perpaduannegara



Kementerian Perpaduan Negara



PerpaduanNegara



PERPADUAN_NEGARA



PERPADUAN Negara



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

Aras 5-10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan
Putrajaya

Tel: +603-8091 8000

Emel: pro@perpaduan.gov.my